

等 別：普通考試
類 科：外語導遊人員（馬來語）
科 目：外國語（馬來語）
考試時間：1 小時 20 分

座號：_____

※注意：(一)本試題為單一選擇題，請選出一個正確或最適當答案。

(二)本科目共 80 題，每題 1.25 分，須用 2B 鉛筆在試卡上依題號清楚劃記，於本試題上作答者，不予計分。

(三)禁止使用電子計算器。

- 1 Perjalanan ke Pulau Pinang kita boleh ____ bas, kapal terbang, kereta dan pengangkutan awam lain-lain.
(A) berjalan (B) dengan (C) pergi (D) menaiki
- 2 Dia menyatakan ____ adiknya di hospital.
(A) yang (B) kalau (C) bahawa (D) sehingga
- 3 Mereka ke sana ____ membantu mangsa banjir.
(A) sejak (B) untuk (C) apabila (D) supaya
- 4 Kita ____ berhati-hati di jalan raya.
(A) boleh (B) perlu (C) telah (D) akan
- 5 Bangunan PNB118 Malaysia ini ____ digunakan pada tahun hadapan.
(A) akan dapat (B) tidak pernah (C) belum pernah (D) sedang hendak
- 6 Penonton ____ memasuki stadium itu.
(A) berbaik-baik (B) berasak-asak (C) bermain-main (D) bergurau-gurau
- 7 Penumpang ____ di stesen itu sementara menunggu bas.
(A) mundar-mandir (B) porak-peranda (C) tungkus-lumus (D) rebah-rempah
- 8 Jalan di kawasan Genting Highland ____ seperti ular kena palu.
(A) bengkok-bengkok (B) simpang-siur (C) kelam-kabut (D) lekak-lekuk
- 9 Mereka tinggal di kawasan ____ Sabah.
(A) mendalam (B) kedalaman (C) pedalaman (D) pendalaman
- 10 Kami ____ lawatan itu pada minggu lepas.
(A) disertai (B) menyertai (C) disertakan (D) menyertakan
- 11 ____ tetamu itu disambut dengan paluan kompang.
(A) Didatangi (B) Kedatangan (C) Didatangkan (D) Mendatangkan
- 12 Rumah **usang** itu milik siapa? **Perkataan berlawanan** bagi **usang** ialah ____.
(A) baharu (B) cantik (C) buruk (D) lama
- 13 Hujan **lebat** turun ketika perlawanan itu berlangsung. **Perkataan berlawanan** bagi **lebat** ialah ____.
(A) sedikit (B) renyai (C) kurang (D) banyak
- 14 Putrajaya ialah pusat ____ kerajaan Malaysia yang baru.
(A) pendidikan (B) pentadbiran (C) pemerintahan (D) kewangan
- 15 Datuk Seri Anwar bin Ibrahim ialah Perdana Menteri Malaysia yang ke-10. ____ sangat dihormati oleh pemimpin dari dalam dan luar negara.
(A) Nya (B) Saya (C) Beliau (D) Baginda
- 16 Perdana Menteri Malaysia menyeru rakyat negara ini supaya mementingkan ____ demi kesejahteraan bersama.
(A) perpaduan (B) persatuan (C) pendirian (D) perselisihan
- 17 Harga cakra padat yang asli lebih mahal ____ yang tiruan.
(A) dari (B) pada (C) dengan (D) daripada

- 18 ____ hari sudah senja, mereka masih lagi berbual di warung kopi.
(A) Makin (B) Bahkan (C) Walaupun (D) Dan
- 19 Pertandingan ____ sotong itu diadakan bagi memeriahkan sukan air.
(A) Memancing (B) Menangkap (C) Mencandat (D) Memburu
- 20 Buah rambutan yang masih mudah berwarna ____.
(A) hitam (B) putih (C) hijau (D) coklat
- 21 Wang syiling sepuluh sen berbentuk ____.
(A) bundar (B) bujur (C) leper (D) bulat
- 22 Ikan air tawar yang dipancing oleh adik berbau ____.
(A) hancing (B) hapak (C) hanyir (D) hangit
- 23 Makanan seimbang sangat penting untuk mendapatkan tubuh badan yang ____.
(A) sakit (B) sihat (C) kecil (D) gemuk
- 24 Lori itu membawa ____ buah durian untuk dijual di pasar borong.
(A) bertangki-tangki (B) bergelen-gelen (C) berbakul-bakul (D) bertong-tong
- 25 Ayah ____ sahaja menelefon saya dari Taiwan untuk bertanya khabar kami di Malaysia.
(A) baru (B) mana (C) masih (D) sebentar
- 26 Pemandangan di tepi pantai indah ____ pada waktu petang.
(A) nian (B) patut (C) sudah (D) begitu
- 27 “____ buang kulit pisang di merata tempat kerana membahayakan orang lain,” kata Ali kepada Mutu.
(A) Harap (B) Tolong (C) Jemput (D) Jangan
- 28 Para pendaki muda berazam untuk menakluki ____ Gunung Kinabalu.
(A) hadapan (B) selekoh (C) puncak (D) dalam
- 29 Kawasan pantai timur Semenanjung Malaysia sering ____ banjir pada bulan Disember.
(A) dilanda (B) dilakukan (C) dijadikan (D) diancam
- 30 Terdapat sebuah restoran di ____ taman permainan itu.
(A) puncak (B) antara (C) seluruh (D) hadapan
- 31 Penyelam itu menemui batu karang dan spesies ikan yang cantik semasa menyelam di ____ laut Pulau Redang.
(A) samping (B) dasar (C) atas (D) tepi
- 32 Negeri Kedah ____ di utara Semenanjung Malaysia dan terkenal dengan gelaran jelapang padi.
(A) meletak (B) terletak (C) diletak (D) berletak
- 33 Kakak hendak melancong ke Taiwan ____ dengan taman baiknya.
(A) bersama (B) bersendirian (C) berkongsi (D) berkawan
- 34 Pasar raya itu sedang ____ jualan murah sempena hari pertama pembukaan.
(A) melakukan (B) menyampaikan (C) merayakan (D) mengadakan
- 35 Para penonton boleh mengikuti ____ perlawanan bola sepak itu menerusi saluran TV Sukan pada pukul 8.00 malam.
(A) seni kata (B) urus setia (C) siaran langsung (D) atur cara
- 36 Taipei ialah ____ yang besar di Taiwan dan terkenal sebagai pusat beli-belah.
(A) bandar raya (B) guru besar (C) pasar malam (D) bandar gabungan
- 37 ____ yang bertugas di dalam kapal terbang itu sangat tampan.
(A) Pramugara (B) Pramugari (C) Biduanita (D) Jutawan
- 38 Tan Sri P. Ramlee dianugerahi gelaran seniman negara bagi ____ jasanya dalam bidang perfileman Melayu.
(A) menghargai (B) menjemput (C) merayakan (D) mengelar

- 39 Barang ini sangat mahal, bolehkah anda memberi _____?
(A) pemotong (B) diskaun (C) penurunan (D) tolakan
- 40 Pelancong dapat ____ kad SIM di Lapangan Terbang Antarabangsa Taoyuan.
(A) membeli (B) boleh (C) jual (D) untuk
- 41 _____ yang terbaik untuk membuat pelancongan adalah pada hujung tahun sewaktu cuti sekolah.
(A) Tarikh (B) Peluang (C) Ruang (D) Masa
- 42 Orang Malaysia suka bertegur sapa semasa berjumpa seseorang dengan perkataan “_____”.
(A) selamat pagi (B) salam berjumpa lagi (C) apa khabar (D) sudah makan
- 43 Jangan bawa apa-apa yang anda tidak perlukan dalam perjalanan dan memasukkannya ke dalam bagasi. Fikirkan ia sebagai ruang lebihan untuk apa sahaja yang anda mungkin ingin beli sepanjang perjalanan.
Perkataan yang sama makna dengan Fikirkan ialah:
(A) Bincangkan (B) Merenungkan (C) Pandangan (D) Impian
- 44 Untuk penerbangan antarabangsa, syarikat penerbangan memerlukan pelanggan mendaftar masuk dua jam _____, waktu berlepas yang dijadualkan.
(A) sekurang-kurangnya (B) selepas (C) sebelum (D) selebih-lebihnya
- 45 Penumpang: _____ saya bertanya beberapa soalan tentang arahan dalam penerbangan?
Pramugari: Saya berbesar hati untuk membantu anda menjelaskan apa sahaja yang anda perlukan _____.
(A) Adakah, tahu (B) Apakah, tolong
(C) Bolehkah, bantuan (D) Bagaimanakah, sahaja
- 46 Pramugari: Adakah anda ingin memesan apa-apa lagi Tuan?
Penumpang: Ya tolong, boleh saya dapatkan _____?
(A) bantal (B) tidur (C) tiket (D) hadiah
- 47 Pastikan tali pinggang keledar anda diikat pada setiap masa. Jika anda tertidur, pastikan ia diikat dengan longgar kerana mungkin mengalami _____ tanpa diduga.
(A) olakan (B) pengolakan (C) bergolak (D) pergolakan
- 48 Selepas masuk ke dalam _____, jika anda tidak tahu di mana tempat duduk, anda boleh meminta pramugari untuk membantu anda.
(A) gudang (B) kabin (C) kapal kargo (D) badan kapal
- 49 Orang yang tidak _____ Taiwan harus pergi ke kiri dan mengikut arahan yang diberikan kepada mereka. Beg mereka sudah pun dihantar ke destinasi _____ mereka.
(A) memasuki...terakhir (B) masuk...akhir
(C) termasuk...akhiri (D) memasukkan...akhir
- 50 S: Adakah saya perlu mengisi borang pengisytiharan ini sebelum saya tiba?
J: Ya, borang pengisytiharan ini mesti _____ di pusat pemeriksaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.
(A) dikirim (B) diserahkan (C) dimusnahkan (D) disenaraikan
- 51 Jika anda selalu melancong, cari _____ pelancongan yang boleh menukar _____ wang asing secara langsung adalah lebih menjimatkan masa.
(A) agensi...mata (B) syarikat...tempat (C) agen...duit (D) industri...jenis
- 52 _____ tunjukkan pasport, borang pengisytiharan kastam dan borang pemeriksaan perubatan anda.
(A) Minta (B) Tolong (C) Sila (D) Mohon
- 53 Penyambut tetamu: Selamat pagi, puan. Sudahkah anda membuat tempahan dengan kami?
Irina Leskova: Selamat pagi. Ya, suami saya sudah _____ bilik untuk saya semalam.
(A) tempahan (B) menempah (C) bertempah (D) ditempahkan

- 54 Adakah hotel kamu menyediakan kemudahan-kemudahan untuk orang yang _____?
(A) kurang upaya (B) kurang kaya (C) kurang nasib (D) kurang makan
- 55 Untuk _____ tempahan bilik anda, anda perlu membayar terlebih dahulu dengan kad kredit.
(A) terjamin (B) jaminan (C) penjamin (D) menjamin
- 56 Saya telah membuat tempahan awal minggu ini, tetapi saya terpaksa _____kannya.
(A) membasmi (B) memutuskan (C) memotong (D) membatalkan
- 57 Burger restoran ini dibuat dengan sos istimewa tersendiri yang _____ pada roti dan daging ayam yang banyak airnya serta bahan-bahan segar.
(A) disapu (B) digabung (C) dicat (D) diletakkan
- 58 Kami cuma menyajikan makanan Melayu asli. Kami mempunyai pelbagai menu tradisional Melayu dan kami juga boleh menyediakan menu khas jika _____.
(A) disoal (B) diminta (C) dibincang (D) disambut
- 59 Pembelian makanan _____ talian boleh dibuat melalui aplikasi dalam telefon bimbit.
(A) atas (B) bawah (C) dalam (D) luar
- 60 Kebanyakan muzium nasional _____ perkhidmatan pemandu pelancong dalam pelbagai jenis bahasa secara _____.
(A) menolak...bantuan (B) menggalakkan...bayaran
(C) menawarkan...percuma (D) melaksanakan...paksaan
- 61 Untuk _____ tentang tempat pelancongan, orang ramai boleh _____ kementerian pelancongan tempatan melalui telefon, faks atau e-mel.
(A) dapatan berkenaan...menyoal kepada (B) maklumat lanjut...berhubung dengan
(C) jawatan kosong...mengait melalui (D) memperkenalkan...mempromosikan
- 62 Malaysia terdapat pusat membeli-belah yang _____.
(A) bebas tukar (B) bebas cukai (C) bebas harga (D) bebas tawar
- 63 Kebanyakan kedai tempat pelancongan memberikan perkhidmatan pembayaran _____ wang tunai.
(A) tanpa (B) dengan (C) tiada (D) cara
- 64 Anda boleh membuat panggilan tempatan dan antarabangsa _____ had ke mana-mana negara terus dari bilik penginapan anda.
(A) tanpa (B) hanya (C) sekali (D) juga
- 65 Setiap pelancong yang menyertai kumpulan lawatan syarikat kami mesti _____ semua _____ peribadi, seperti mencuci dan menyeterika pakaian, menggunakan barangan petik sejuk di dalam bilik hotel, membuat panggilan antarabangsa, dan lain-lain.
(A) bertanggung...perbelanjaan (B) menanggung...belanjaan
(C) tanggungan...belanja (D) tanggung...perbelanja
- 66 Saya ingin membuat panggilan caj _____.
(A) pulangan (B) baikan (C) panjangan (D) balikan
- 67 Pusat Pengangkutan Darat terletak _____ di luar pintu keluar ke jalan.
(A) tengah-tengah (B) tepi-tepi (C) sama-sama (D) betul-betul
- 68 Pilih ayat perbualan yang betul.
(A) Orang awam: Tuan, saya menghilangkan telefon saya semalam.
Polis: Di manakah anda menghilangkannya?
(B) Orang awam: Abang, mana telefon saya?
Polis: Mana anda hilang?
(C) Orang awam: Adik, boleh tahu mana telefon saya?
Polis: Di manakah anda sekarang?
(D) Orang awam: Aduh, telefon saya hilang.
Polis: Di mana anda beli?

- 69 Sekiranya berlaku kecemasan sebenar, sila _____ 911.
(A) dail (B) taip (C) tekan (D) picit
- 70 Pesakit: Saya perlukan _____ doktor dengan segera!
Jururawat: Adakah ini kecemasan?
Pesakit: Saya mengalami masalah bernafas.
(A) berjumpa (B) panggilan (C) temujanji (D) dirawat
- Cameron Highlands merupakan salah satu destinasi percutian keluarga yang menarik dan terkenal di Malaysia. Tempat peranginan ini sering menjadi tumpuan para pelancong.
- Terdapat pelbagai tarikan istimewa di Cameron Highlands. Yang paling utama sudah tentulah teh dan strawberi. Tidak lengkap rasanya percutian ke Cameron Highlands jika tidak menikmati teh dan strawberi yang segar. Antara ladang strawberi yang terbesar di sini ialah *Big Red Strawberry Farm* dan *Raaju Hill Strawberry Farm*. Para pengunjung dapat memetik dan menikmati pelbagai spesies strawberi seperti *Butterhead*, *Red Coral*, *Green Coral* dan *Romaine*. Selain itu, mereka juga dapat menyaksikan permandangan yang indah di Ladang Teh Sungai Palas, iaitu ladang teh terbesar di Malaysia.
- Gunung Brinchang pula menjadi tarikan kepada para pengunjung yang berminat dengan aktiviti lasak seperti mendaki dan meredah hutan. Walau bagaimanapun, para pengunjung dinasihati supaya sentiasa mengutamakan keselamatan kerana laluan ke sana sempit dan curam.
- Cameron Highlands juga terkenal dengan kebun-kebun sayur dan buah-buahan yang segar. Cameron Highlands membekalkan buah-buahan dan sayur-sayuran untuk pasaran di Malaysia dan Singapura. Ladang-ladang ini boleh dilihat di sepanjang jalan dari Ringlet ke Kampung Raja. Terdapat juga taman rama-rama di tanah tinggi ini, iaitu *Butterfly Garden* dan *Butterfly Farm*. Pelbagai spesies rama-rama dan serangga dapat ditemui di taman ini, termasuklah Rama-Rama Raja Brooke yang terkenal dengan saiznya yang besar.
- Justeru, ramai pengunjung dari dalam dan luar negara memilih Cameron Highlands sebagai destinasi pilihan mereka untuk bercuti. Selain dapat menghabiskan masa bersama keluarga, mereka juga dapat menikmati keindahan alam semula jadi yang amat mengagumkan.
- 71 Mengapakah Cameron Highland sering menjadi tumpuan para pelancong?
(A) Sayur-sayuran dan buah-buahan segar dijual dengan harga yang murah.
(B) Satu-satunya destinasi percutian tanah tinggi di rantau ini.
(C) Pusat percutian tanah tinggi yang terkenal di Malaysia.
(D) Tempat perkemahan yang cantik dan pantai yang bersih.
- 72 Apakah nama ladang teh yang terbesar di Malaysia?
(A) Ladang Teh Big Red Strawberry (B) Ladang Teh Gunung Brinchang
(C) Ladang Teh Green Coral (D) Ladang Teh Sungai Palas
- 73 Yang manakah **bukan** spesies strawberi yang ditanam di Cameron Highlands?
(A) Greed Coral (B) Red Coral (C) Romaine (D) Big Red
- 74 Aktiviti yang berikut dapat dilakukan di Cameron Highlands, **kecuali**:
(A) melawat ladang teh dan minum teh (B) memetik dan menikmati strawberi
(C) mendaki dan meredah hutan (D) memburu binatang
- 75 Pilih pernyataan yang **salah** tentang petikan di atas.
(A) Banyak ladang sayur dan buah-buahan di Cameron Highlands.
(B) Cameron Highlands terkenal dengan ladang teh.
(C) Pengunjung tidak dibenarkan melawat taman rama-rama.
(D) Rama-rama Raja Brooke terdapat di Cameron Highlands.

Pada pagi itu, aku dan keluargaku bangun lebih awal. Hari ini ialah hari yang kami tunggu-tunggu selama ini. Pak Cik Mat, jiran sebelah rumahku telah bersedia untuk menghantar kami ke Lapangan Terbang Senai. Kami bertolak pada pukul 8.00 pagi. Sepanjang perjalanan, fikiranku asyik melayang bermulalah percutian kami ke negeri Bumi Kenyalang, negeri kelahiran ibuku.

Apabila sampai di lapangan terbang, ayah dan ibuku sibuk menguruskan tiket. Pak Cik Mat berpesan kepada kami adik-beradik supaya menjaga diri dengan baik. Aku asyik memerhatikan gelagat dua orang adikku yang ternyata riang sekali.

Perjalanan dari Johor ke Sarawak mengambil masa selama 1 jam 25 minit. Kami tiba di Kuching pada pukul 11.25 pagi. Aku tidak sabar lagi ingin menemui sanak saudaraku di sana. Apatah lagi kepulangan kami pada kali in bersempena Hari Raya Puasa. Kami sekeluarga menaiki sebuah van ke kampung ibuku yang terletak di Betong, Sri Aman. Perjalanan selama empat jam ini sangat memenatkan. Kami sampai di kampung pada waktu petang. Kepulangan kami disambut oleh sanak saudara dengan gembiranya.

Setelah seminggu berada di kampung, bapa saudaraku mengajak aku pergi memancing. Peluang keemasan ini tidak akan aku persiakan. Kami membeli barang-barang yang akan digunakan di sebuah kedai yang berdekatan. Aku mendapat pengalaman baru mencari cacing di dalam tanah. Walaupun berasa geli, tetapi inilah pengalaman yang menyeronokkan.

Semasa memancing di sungai itu aku mengalami peristiwa yang tidak dapat aku lupakan. Inilah kali pertama aku melihat buaya berenang di dalam sungai. Benarlah kata kawan-kawanku selama ini, di negeri ini banyak terdapat Bujang Senang. Kami bercuti di kampung selama dua minggu. Hari ini aku pulang semula ke Johor. Kenangan manis semasa percutian ini tidak akan kulupakan begitu sahaja.

- 76 Di manakah penulis dan keluarganya menetap?
(A) Sarawak (B) Perak (C) Kelantan (D) Johor
- 77 Pada pendapat anda, ke manakah penulis pergi bercuti?
(A) Sabah (B) Brunei (C) Sarawak (D) Johor
- 78 Sekiranya penulis bertolak dari Lapangan Terbang Senai pada jam 11.00 pagi, jam berapakah mereka akan sampai di Kuching?
(A) 11.25 pagi (B) 12.25 tengah hari (C) 1.25 petang (D) 12.25 malam
- 79 Pernyataan di bawah adalah benar tentang cerita di atas, **kecuali**:
(A) Ibu penulis berasal dari Sarawak.
(B) Penulis berasal dari negara Singapura.
(C) Penulis mempunyai dua orang adik.
(D) Penulis akan berhari raya di Sarawak.
- 80 Apakah peristiwa yang tidak dapat dilupakan oleh penulis semasa memancing?
(A) Penulis terjatuh ke dalam sungai.
(B) Penulis dapat menyaksikan Bujang Senang.
(C) Penulis mendapat banyak ikan dan ketam.
(D) Penulis berenang bersama bapa saudaranya.